

24/11/2003

Pelita logo MSC, KLCC catat rekod

Junita Mat Rasid

MUAR: Pemasangan kira-kira 3,000 pelita yang membentuk logo Koridor Raya Multimedia (MSC) dan replika Menara Berkembar Petronas (KLCC) berjaya mencatatkan dua rekod sekali gus dalam Malaysia Book of Records (MBOR).

Pemasangan pelita yang dijadikan logo MSC itu dianugerahkan sebagai Pemasangan Logo Pelita Terbesar iaitu sepanjang 53.8 meter dan 28.3 lebar dengan menggunakan 989 pelita.

Pelita yang dijadikan replika KLCC pula dicatatkan sebagai replika KLCC Tertinggi Menggunakan Pelita dengan ketinggian 5.18 meter menggunakan 959 pelita. Pelita yang dipasang di Padang Jalan Daud itu turut membentuk angka 2020..

Sijil catatan rekod itu disampaikan wakil MBOR, Sujatha Nair kepada Pengerusi Projek Pelita Wawasan, Abdul Ghani Abdul Moin, sambil disaksikan Ketua Umno Bahagian Bakri, Senator Datuk Dr Harris Salleh.

Selain pemasangan pelita, Pergerakan Pemuda Umno cawangan Jalan Raja Daud dekat sini, turut memasang dua sepanduk sebagai ucapan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdul Ghani yang juga Ketua Pemuda Umno cawangan Jalan Daud, berkata pemasangan pelita itu juga sempena sambutan Aidilfitri yang dijalankan sebagai tradisi penduduk di Jalan Daud sejak kira-kira 25 tahun lalu.

Beliau berkata, pelita itu dinyalakan setiap malam mulai Rabu lalu dan dijangka dipasang sehingga malam raya ini.

Katanya, pihaknya membelanjakan kira-kira RM5,000 hasil sumbangan penduduk di kawasan itu untuk membeli pelbagai peralatan untuk memasang pelita berkenaan.

Beliau berkata, seramai 30 orang terbabit dalam pemasangan pelita yang dirancang Oktober lalu dan kerja pemasangannya dilakukan sejak hari pertama Ramadan.